

SELAMAT HARI RAYA

Marilah mencapai hidup bahagia dan mulia

‘Kita sudah sanggup menegakkan syariat kuasa di tengah-tengah kehidupan orang ramai yang berlain-lain kepercayaan dan cara hidupnya, maka sudah selayaknya kesan dari latihan puasa itu, dipelihara dan diamalkan, untuk mencapai hidup bahagia dan mulia’.

(oleh: *Al-Ustadh* Muhammad ‘Ali al-Hamidi)

Setelah kita berpuasa Ramadhan sebulan lamanya maka pada 1 Shawwāl, kita bersama-sama berhari raya dan keluar beramai-ramai mengerjakan sembahyang, serta bertakbir dan bertahmid.

Pada Hari Raya bergemalah bunyi takbir dan tahmid yang diucapkan oleh umat Muhammad di seluruh dunia.

Bersukacitalah kerana telah selesai melatih diri berlaku taat kepada Allah ‘*Azza wa jalla*’, dan yakin bahawa dengan itu diri kita telah disucikan rohaninya dengan ibadah puasa.

Sambil kita bersukacita dan bergembira, sambil pula kita berharap mudah-mudahan puasa itu diredhai Allah ‘*Azza wa jalla*’ dan diterimanya sebagai puasa yang makbul, jauh daripada apa yang diterangkan oleh Nabi kita Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* (ertinya):

“Beberapa banyak orang yang puasa pada hal ia tidak mendapat dari puasanya selain daripada lapar, dan berapa banyak orang yang sembahyang malam pada hal ia tidak mendapat dari sembahyangnya itu selain daripada ketiadaan tidur.”

Demikian pula, sukacita dan gembira kita ialah

kerana kita telah selesai mengeluarkan fitrah untuk kepentingan-kepentingan saudara-saudara kita yang fakir miskin yang banyak terdapat dalam masyarakat. Jika kita semua memberikan fitrah sebagaimana yang semestinya tentulah hasilnya amat besar bagi saudara-saudara kita itu. Semua itu dilakukan dengan tujuan supaya mereka dapat pula bergembira seperti kita. Janganlah dibiarkan mereka bersedih hati dalam saat berbahagia ini.

Sekarang ini setelah berlalu Ramadhan, kita sudah ditunggu-tunggu oleh kewajipan kita hari-hari, baik terhadap diri dan kaum keluarga, mahu pun masyarakat bersama. Hendaknya semua ini kita hadapi dengan jiwa yang cukup terlatih oleh puasa.

Apa yang telah terjadi di muka bumi Allah ini, menambah keyakinan kita bahawa kita tertuntut menegakkan kebenaran dalam segala perkara. Dengan ini kita sudah membekali diri dengan keyakinan yang akan menjadikan cergas beramal dan bergerak.

Kebenaran Allah terletak dalam hati kaum Muslimin, ia menggerakkan jiwa mereka untuk mencapai hidup yang diredai Allah dan dihormati dalam pergaulan umum.

Ia memberi sinar kepada mereka dalam menghadapi saat-saat yang gelap dan menggelisahkan.

Menegakkan kebenaran Allah kerana kita di dunia beroleh kehormatan dan di sisi Allah kerana kita di dunia beroleh penghargaan kelak, sebagaimana yang diterangkan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dan bagi Allah kemuliaan dan bagi Rasul-Nya, dan bagi orang-orang mukmin; tetapi orang-orang munafik tidak mengetahui”

Apabila kita menyelami erti dan maksud ayat ini nyatalah betapa harumnya kita berjuang untuk mencapai kehidupan yang mulia, seperti yang telah dilakukan oleh Nabi kita.

Sebagaimana yang telah digambarkan oleh ayat suci itu dan sebagai yang diketahui oleh kita semua, bahawa tujuan hidup Nabi ialah “menuntut kemuliaan”. Tuntutan ini ialah dengan perjuangan hidup hingga akhir hayat, bukan hanya dengan mengingat dan menyebut-nyebut akan ayat itu sahaja, tetapi bergerak sesuai dengan cita-cita yang mulia.

Tidak pernah baginda ragu-ragu dalam mencapainya, baik betapa jua keadaan dan hal-hal yang baginda alami, apalagi patah hati atau lesu melihat kejadian yang tidak mengembirakan, jauh sekali.

Rasullullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* memperjuangkan cita-cita yang mulia supaya hidup di dunia dalam suasana kemuliaan. Umat Islam seyogialah demikian.

Baginda dan sahabat-sahabat telah berkorban jiwa dan harta untuk mencapai kemuliaan yang dijanjikan Allah, maka kita seyogialah demikian. Siapakah di antara kita yang

ingin hidup terhina!

Kita sudah cukup mengetahui sejarah Nabi dan sahabatnya bagaimana baginda memperjuangkan cita-cita mulia itu, dan kita pun telah diberi latihan jiwa dengan puasa supaya tetap menimbulkan tenaga amal perbuatan untuk kemuliaan yang dijanjikan Allah *‘Azza wa jalla*.

Apa jalan yang ditunjukkan Allah untuk kita itu maka baginda ikuti walau bukan mudah mengerjakannya. Oleh itu baginda bersama-sama dengan umat Islam pada masa itu telah mencapai setinggi-tinggi kemuliaan, dengan limpah kurnia Allah.

Cita-cita mulia tidak akan dapat dicapai dengan jiwa yang lemah dan hati yang lekas patah, sejarah sudah membuktikan.

Sebab itu dalam suasana berhari raya ini hendaknya kita menyedari kewajipan kita, supaya kita dan kaum Muslimin umumnya diberi kemuliaan oleh Allah. Kesedaran ini hendaklah menimbulkan semangat perpaduan dan bertolong bantu sesama umat Islam untuk mencapai kejayaan dan kemuliaan itu.

Renunglah firman Allah Ta’ālā dalam Surah al-Baqarah, ayat 81 (ertinya):

“Orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, masing-masing membantu yang lain. Mereka melakukan *amar ma ‘ruf* dan *nahī munkar*, mendirikan sembahyang, memberikan zakat dan berlaku taat kepada Allah dan Rasul-Nya; mereka akan dikurniai rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Mulia lagi bijaksana.”

Alangkah ruginya kita apabila segala keutamaan-keutamaan


yang diperoleh dalam ibadah puasa tidak kita gunakan menurut yang semestinya, untuk kekuatan jiwa dan kesihatan yang menjadi asas yang utama untuk mencapai kemuliaan.

Kita sudah sanggup menegakkan syariat puasa di tengah-tengah kehidupan orang ramai yang berlain-lain kepercayaan dan cara hidupnya, maka sudah selayaknya kesan dari latihan puasa itu, dipelihara dan diamalkan, untuk mencapai kemuliaan hidup yang telah dijanjikan Allah.

Fahamkanlah peringatan Allah dalam Surah al-Anfāl, ayat 46 (ertinya):

“Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, kerana kamu akan kecewa kelak, dan akan hilang kekuatan kamu; dan sabarlah, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.” (Yang teguh dan tekun menunaikan perintahnya dengan mengatasi segala halangan dan rintangan – P).

Akhirnya kita berdoa mudah-mudahan ibadah puasa dan lain-lain ibadah kita diterima oleh Allah, bangsa kita diselamatkannya daripada malapetaka kehancuran; pemimpin-pemimpin kita diberi hidayah dan taufik, kita semuanya dikurniai kemuliaan dan agama Islam bertambah sinarnya di negeri kita. *Āmīn*.



“Pendidikan Timur lebih baik daripada pendidikan Barat” demikian tajuk perbahasan yang dianjurkan oleh Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura baharu-baharu ini di antara Parti Rakyat (pencadang) dan Badan Kesenian Johor Baharu (pembangking). Pihak pembangking telah berjaya merebut Piala Council General Indonesia, Tuan Djatikoesoemo. Beliau kelihatan di kanan sekali bersama-sama pihak yang berjaya.